

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

KKM beri penerangan khas penularan influenza

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memberi penerangan khas mengenai penularan penyakit seperti influenza (ILI) di institusi pendidikan, hari ini.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata pihaknya komited memastikan murid dapat hadir ke sekolah dengan selamat dan mengambil tindakan yang perlu, jika berlaku sebarang kes ILI di sekolah.

"Perkara ini berlaku di mana-mana. Sebab itu, kita sentiasa berbincang dengan KKM untuk memastikan segala proses dan tatakara, jika berlaku sebarang kes yang memerlukan tindakan sewajarnya diambil bersama," katanya semalam.

Jabatan Kesihatan Selangor

mengesan peningkatanjangkitan ILI di institusi pendidikan, khususnya di negeri itu sejak dua minggu lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata beberapa faktor dikesan menyebabkan peningkatanjangkitan itu, antaranya kurang peneakan aktiviti saringan di sekolah, selain pertambahan aktiviti dijalankan secara berkumpulan, sentuhan fizikal sesama pelajar dan kurangnya amalan kebersihan sendiri.

Radzi berkata, garis panduan pengurusan dan operasi sekolah sudah dikeluarkan pada 2020 bagi membantu pihak sekolah dalam mengawal serta menangani kes penyakit berjangkit.

Sementara itu, Pengerusi Ja-

watankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Hijau Perak, Mohd Akmal Kamarudin, berkata Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) itu mengesan satu keskluster ILI berlaku di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh, membabitkan tiga kes takat Selasa lalu.

Beliau berkata, dapatan itu berdasarkan keputusan ujian calitan *swab nasopharyngeal* yang mendapati tiga daripada lima sampel didapati positif Influenza A H3 pada 21 Jun lalu.

"Kluster itu mula dikesan apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta menerima makluman daripada warden asrama bahawa beberapa pelajar mengalami gejala batuk kira-kira jam 12 tengah hari pada 19 Jun lalu.

"Siasatan lanjut mendapati 25 daripada 220 pelajar terdedah mengalami gejala batuk, 11 orang sakit tekak, selesema (7) dan sakit kepala (4).

"Mereka sudah menerima rawatan di Klinik Komuniti Ampang, Ipoh dengan tiada pelajar dimasukkan ke hospital.

"Ujian Rapid Test Kit (RTK) Antigen COVID-19 bagi 25 orang pelajar bergejala batuk pada 19 Jun adalah negatif.

"Namun, mereka ditempatkan secara berasingan dalam bilik isolasi asrama sekolah dan dipantau dalam tempoh 10 hari sementara saringan harian pelajar dilakukan oleh pihak sekolah dan dirujuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan lanjut serta rawatan di klinik," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

JKNS arah 37 premis makanan ditutup 14 hari

Shah Alam: Sebanyak 408 notis berkaitan pelbagai kesalahan dengan tawaran kompaun bernilai RM222,800 dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menerusi operasi khas secara bersepadu yang dilaksanakan di beberapa kawasan di negeri berkenaan selama dua hari sejak Rabu lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, operasi itu diadakan bagi menguatkuasakan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, bersama dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

Beliau berkata, operasi yang menyasarkan premis makanan di Kajang, Bangi dan kawasan sekitarnya, membabitkan 106

anggota jabatan itu.

"Bagi penguatkuasaan mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, sebanyak 37 premis makanan ditutup selama 14 hari dan 283 notis kesalahan dikeluarkan dengan tawaran kompaun bernilai RM192,900.

"Bagi penguatkuasaan PPKHT 2004, sebanyak 125 notis kesalahan dikeluarkan dengan tawaran kompaun bernilai RM 30,900, dengan pelbagai kesalahan antaranya merokok di tempat makan dan kegagalan mem-

pamerkan tanda larangan merokok di premis," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, sekiranya Orang Yang Dikenakan Notis atau ditawarkan kompaun berkenaan tidak menjelaskan bayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan, tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil.

"Diharapkan melalui operasi ini dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesalahan merokok di semua kawasan larangan merokok, khususnya di premis makanan dan tumpuan

orang awam selain dapat memastikan tahap

kebersihan premis makanan berada di tahap yang optimum," katanya.

**“
Diharapkan
melalui operasi ini
dapat meningkatkan
kesedaran orang
ramai
Dr Sha'ari Ngadiman**



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

KKM merekodkan 9.6 peratus kanak-kanak dikesan ada masalah kesihatan itu

Usia 10 tahun ada masalah mental



KHAIRY JAMALUDDIN (kiri) bersama Tuanku Syed Faizuddin (tengah) selepas Karnival ANMS di Dataran Dato Sheikh Ahmad di Kangar semalam.

KANGAR – Kementerian Kesihatan merekodkan sebanyak 2.3 peratus orang dewasa, manakala 9.5 peratus kanak-kanak berusia 10 hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental pada tahun 2019.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kadar tersebut tidak mustahil lebih tinggi ketika ini kerana kesan daripada pandemik Covid-19.

Menurut beliau, angka tersebut direkodkan menerusi peningkatan orang ramai yang mahu mendapatkan bantuan dan sokongan kesihatan mental dalam tempoh tersebut.

"Masalah kesihatan mental seperti kemurungan yang semakin meningkat memberi cabaran besar kepada sektor kesihatan. "Kesihatan mental bukan sa-

haja mempengaruhi kesihatan fizikal, malah kualiti kehidupan dan produktiviti seseorang sama ada kanak-kanak ataupun dewasa," katanya ketika berucap sempena Karnival Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat negeri ini di Dataran Dato' Sheikh Ahmad di sini semalam.

Majlis perasmian karnival tersebut disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, berdasarkan statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, satu daripada lima orang dewasa di negara ini menghidap diabetes iaitu bersamaan anggaran 3.9 juta individu atau 18.3 peratus daripada keseluruhan

populasi dewasa.

Katanya, angka tersebut menunjukkan peningkatan daripada tinjauan sama pada tahun 2015 iaitu sekitar 13.4 peratus.

"Angka ini membimbangkan kerana tahap kesedaran rakyat mengenai kesihatan masih rendah.

"Mengikut unjuran statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2019, populasi warga emas lingkungan 60 tahun dan ke atas akan meningkat kepada 15 peratus daripada keseluruhan populasi.

"Ini bermakna Malaysia akan menjadi negara berusia emas menjelang 2030, dan itulah sebabnya kita mahu supaya warga emas menjalani hidup sihat serta berkualiti," tambah Khairy Jamaluddin.

Gelombang baharu Covid-19 tidak bawa risiko tinggi

KANGAR – Gelombang baharu Covid-19 yang dijangka dihadapi negara lebih awal berbanding tempoh dua atau tiga bulan yang diumumkan sebelum ini tidak akan membawa risiko tinggi seperti gelombang awal jangkitan wabak tersebut dahulu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sebanyak 95.6 peratus pesakit

yang dijangkiti Covid-19 ketika ini hanya duduk berehat di rumah sahaja.

"Sama seperti pada awal tahun dulu apabila kita berdepan dengan jangkitan varian Omicron yang mana kes harian meningkat tetapi kesannya tidak terlalu teruk.

"Jumlah pesakit yang masuk ke hospital, unit rawatan rapi

(ICU) dan kematian adalah rendah. Ini bermaksud yang kita perlu hidup dengan Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Karnival Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) peringkat negeri Perlis di Dataran Datuk Sheikh Ahmad di sini semalam.

Sehubungan itu, kata beliau,

setiap orang terutama warga emas disarankan untuk mengambil suntikan dos penggalak bagi berdepan dengan gelombang ini supaya dapat mengurangkan risiko jika dijangkiti.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin memberitahu, kira-kira 70 peratus populasi dewasa di negara ini sudah mendapatkan suntikan dos penggalak, namun

jumlah penerima di Perlis hanya pada tahap 43 peratus.

"Saya berharap lebih ramai lagi populasi dewasa dapat mengambil dos penggalak kerana jika mereka dijangkiti Covid-19 nanti mereka hanya demam biasa sahaja berbanding yang belum ambil, mereka lebih berdepan dengan risiko lebih berat," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

IN 2 TO 3 MONTHS

'NEW COVID WAVE WILL NOT BE AS BAD'

Most cases now don't require hospitalisation and recover in 2-3 days, says Khairy

AIZAT SHARIF
AND NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE new Covid-19 wave, expected to strike in two to three months, will not be as bad as previous ones, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

He said although the number of cases reported daily had risen to more than 2,000 last week, the effects were not as dire.

"Although the number of cases is increasing, the impact is not very serious.

"It means the number (of Covid-19 patients) admitted to hospital or intensive care units and the number of deaths are still low.

"This means we have to live with Covid-19 and even though the (new) wave will come, the effects will not be like before.

"In the previous wave, many were hospitalised, but now, 96 per cent who are (Covid-19) positive stay at home and recover in two to three days."

He said this at the opening of the Perlis leg of the Healthy Malaysia National Agenda Carnival at



People wearing face masks as they shop at a supermarket in Bukit Mertajam, Penang, yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

Dataran Datuk Sheikh Ahmed in Kangar yesterday.

The carnival was opened by Raja Muda of Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Present were Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil, state Health Committee chairman Teh Chai Aan, who represented Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man, and state Health director Dr Sirajuddin Hashim.

Khairy said the number of elderly taking the vaccine booster dose was encouraging.

"At the national level, almost 70 per cent of adults have received the booster dose, but in Perlis, only 43 per cent of adults have received their shots.

"For those age 60 and below, Covid-19 infections may just be like the common cold because

they have received the vaccine, but for the elderly, it is risky because they have low levels of immunity," he said.

He appealed to senior citizens to get a booster dose before the new Covid-19 wave strikes.

On Friday, Malaysia logged 2,512 new Covid-19 cases, bringing the total to 4,514,830.

Health Ministry data on GitHub showed that 194 cases were imported.

Kuala Lumpur and Selangor reported the most new cases, at 796 and 732 infections, respectively.

Three deaths, including two brought in dead, on Friday pushed the death toll to 35,745. The deaths were reported in Melaka and Kuala Lumpur.

There were 28,247 active cases, following 1,580 recoveries, on Friday.

COUGH SYMPTOMS

3 students down with Influenza A at Perak school

KUALA KANGSAR: The state Health Department has so far detected three students who have been infected with Influenza A at Sekolah Tuanku Abdul Rahman in Ipoh.

State Health, Environment, Science and Green Technology Committee chairman Mohd Akmal Kamarudin said nasopharyngeal swab smear tests found three out of five samples positive for Influenza A H3 on June 21.

He said the cluster was first detected when the Kinta District Health Office was notified by a

hostel warden that some students had cough symptoms on June 19.

He said an investigation found that 25 of the 220 exposed students had cough symptoms, 11 had sore throat, seven had flu and four had headaches.

"They received treatment at the Ampang Community Clinic, Ipoh. No student was hospitalised.

"Covid-19 antigen rapid tests for 25 students with cough symptoms on June 19 were negative."

Akmal's statement was issued by the Perak Health Department's

National Crisis Preparedness and Rapid Response Centre at the state-level Tobacco Free Day at Perak Jubilee Hall here yesterday.

He said symptomatic students were isolated at the school dormitory and monitored for 10 days, adding that the school screened students daily and referred them for checks and treatment at the clinic.

He urged people to keep practicing Covid-19 standard operating procedures during the transition to the endemic phase.